

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DR. MUHAMMAD
LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10386

SOALAN :

Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes pemerdagangan orang yang telah berjaya memperoleh sabitan di mahkamah bagi tempoh 2014 hingga suku kedua 2017 dan apakah komitmen Kerajaan dalam membanteras kegiatan perburuhan paksa, perhambaan moden dan pemerdagangan manusia menjelang 2030.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mempunyai perundangan khusus untuk menangani jenayah pemerdagangan orang sejak tahun 2007. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang digubal pada tahun 2007 telah memasukkan peruntukan penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), penguatkuasaan, penjagaan dan perlindungan kepada mangsa pemerdagangan orang, pendakwaan serta hukuman bagi kesalahan pemerdagangan orang.

Jumlah sabitan yang telah dilaporkan bagi kes pemerdagangan orang dari tahun 2008 hingga 10 Oktober 2017 adalah seperti berikut:

- (i) 2008 – 3 kes;
- (ii) 2009 – 47 kes;
- (iii) 2010 – 44 kes;
- (iv) 2011 – 4 kes;
- (v) 2012 – 24 kes;
- (vi) 2013 – 6 kes;
- (vii) 2014 – 1 kes;
- (viii) 2015 – 7 kes;

- 41
- (ix) 2016 - 100 kes; dan
 - (x) sehingga 10 Oktober 2017 – 116 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia serius dan memberikan komitmen penuh dalam membanteras kegiatan perburuhan paksa, perhambaan moden dan pemerdagangan manusia. Sehubungan itu, pada tahun 2010, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 telah dipinda dengan perluasan takrifan 'pemerdagangan orang' yang memasukkan frasa 'segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui pemaksaan'. Justeru, Kerajaan telah memperhebatkan penguatkuasaan dan siasatan melibatkan eksploitasi buruh seperti mana yang telah disyorkan di dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang (US TIP) tahun 2017.

Antara langkah yang telah diambil ialah mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2016 – 2020 yang telah dilancarkan pada 15 Ogos 2017. Pelan tindakan ini menggariskan 9 bidang program bagi menyokong 9 matlamat strategik serta 5 prinsip panduan seperti berikut :

- 42
- (i) Tanggungjawab kerajaan;
 - (ii) Penyertaan masyarakat sivil ;
 - (iii) Layanan terhadap mangsa berdasarkan hak asasi manusia;
 - (iv) Koordinasi dengan pertubuhan antarabangsa dan NGO ;
dan
 - (v) Penilaian sistematik dan ketahanan.

Matriks aktiviti setiap Jawatankuasa yang diwujudkan di bawah MAPO juga turut dirangka bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan ini. Aktiviti yang disenaraikan adalah mengikut bidang kuasa kementerian/agensi dan merupakan komitmen yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan.

Selain itu, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) melalui agensi di bawahnya, Jabatan Tenaga Kerja telah melakukan beberapa usaha dalam menangani isu ini seperti melakukan pemeriksaan ke atas premis secara berjadual dan berterusan, menganjurkan kursus-kursus kepada pegawai tenaga kerja seperti kursus undang-undang perburuhan, kursus penyiasatan dan pendakwaan dan kursus berkaitan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan kontrak pekerjaan yang standard kepada semua pekerja asing

yang bekerja di Malaysia pada suku ke-2 tahun 2017 serta telah menyediakan kertas cadangan pengukuhan perjawatan dan kapasiti pegawai pemeriksa tenaga kerja (*labour inspector*) bagi menggandakan usaha dalam aspek pemerdagangan orang melibatkan eksploitasi buruh.

Soalan (26)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

SOALAN :-

YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah kementerian mempunyai cadangan menyemak dan memperketatkan undang-undang berkaitan liabiliti dan kecuaiian pemilik premis dan pengendali yang beroperasi di mana-mana bangunan bagi mengurangkan risiko malapetaka seperti kebakaran dan kerobohan hingga menyebabkan kecederaan malah maut kepada orang awam.

45

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meminda Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 pada tahun 2012 dengan 161 pindaan untuk dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang meliputi 4 bahagian utama iaitu :

- (i) Penyelarasan standard;
- (ii) Kerja peruntukan;
- (iii) Kecekapan tenaga; dan
- (iv) Kehendak-kehendak menentang kebakaran (aktif dan pasif)

Oleh yang demikian, peruntukan Undang-undang sedia ada ini telah pun merangkumi kesemua aspek berkaitan liabiliti dan kecuaian pemilik premis dan pengendali yang beroperasi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017